

## Pusat Pengurusan dan Pembangunan Digital - MAKLUMBALAS UNTUK MENGENALPASTI KANDUNGAN PORTAL YANG PENTING DAN PERLU DIPINDAHKAN KE PLATFORM LAIN

1 message

HEBAHAN UniMAP <post@unimap.edu.my>  
To: UniMAP ALLSTAFF <allstaff@unimap.edu.my>

29 September 2022 at 14:52

No. Rujukan : UniMAP/DMDC/Post: 09/22 (1361)  
Tarikh : 29 Sept 2022

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan,  
**MAKLUMBALAS UNTUK MENGENALPASTI KANDUNGAN PORTAL YANG PENTING DAN PERLU DIPINDAHKAN KE PLATFORM LAIN**

Dengan hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman YBhg. Prof. Dr. Ir. Ts./Prof. Dr./Prof. Madya Dr./Dr./Tuan/Puan, **Penggunaan Portal UniMAP (<http://portal.unimap.edu.my>) akan dihentikan selepas 1 Oktober 2022.** Ini disebabkan oleh kerja-kerja penaiktarafan Pangkalan Data utama Universiti dari Oracle 11GR2 kepada Oracle 19C. Kerja-kerja naik taraf ini juga akan memberi kesan kepada Portal UniMAP kerana masalah keserasian (*compatibility*). Portal UniMAP yang sedang digunakan pada masa ini adalah berasaskan produk Oracle Portal 10G yang dibeli pada tahun 2007. Portal UniMAP ini tidak mempunyai sebarang versi terbaru yang boleh digunakan bersama Oracle Database 19C yang bakal dinaiktaraf.

3. Sebagai langkah alternatif bagi menggantikan produk Portal UniMAP yang telah lama ini, Pusat Pengurusan dan Pembangunan Digital (DMDC) sedang mengenalpasti kandungan penting portal, mencadangkan platform dan kaedah pemindahan kandungan portal tersebut. Berikut merupakan kandungan portal yang telah dikenalpasti, dicadangkan platform dan kaedah pemindahan:

Bil.	Kandungan Portal	Platform dan Kaedah Pemindahan
1.	<a href="#">Lecture Notes</a>	Pejabat TNC(A&A) telahpun mengeluarkan hebahan supaya Staf Akademik mula memindahkan Nota atau Bahan Pengajaran dari Portal ke Sistem e-Learning
2.	<a href="#">Departmental Form</a>	Pihak DMDC telahpun memindahkan kandungan Departmental Form ke Sistem UniSIS
3.	<a href="#">Academic Form</a>	Pihak DMDC sedang dalam usaha untuk memindahkan kandungan Academic Form ke Sistem OSI
4.	<a href="#">Timetable</a>	Pihak DMDC sedang dalam usaha untuk memindahkan kandungan Timetable ke Sistem OSI

4. Selain daripada kandungan di atas, masih terdapat banyak lagi kandungan portal yang belum dipindahkan ke mana-mana platform. Sehubungan itu, Pihak DMDC ingin memohon jasa baik Wakil PTj yang mempunyai kandungan di portal selain daripada di atas untuk mengisi borang maklumbalas yang disediakan supaya pihak DMDC dapat mengenalpasti kandungan yang penting dan ada keperluan untuk dipindahkan ke platform lain yang bersesuaian.

- Link Borang Maklumbalas: <https://forms.gle/B7TjK68qC81D6BrF6>

5. Tarikh akhir untuk mengisi borang tersebut ialah **sebelum atau pada 14-Oktober-2022**. Jika terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai berikut, **Pn Noorhamizah binti Abdul Hamid (noorhamizah@unimap.edu.my)**

Sekian dan terima kasih.

Ts. Mohd Fitri bin Edros  
Pegawai Teknologi Maklumat Kanan,  
Seksyen Pembangunan Pintar dan Analitik,  
**Pusat Pengurusan dan Pembangunan Digital,**  
Universiti Malaysia Perlis.  
Tel:04-988 5479  
Fax:04-988 5485

-----  
HEBAHAN UniMAP  
Pusat Pengurusan dan Pembangunan Digital (DMDC)  
Universiti Malaysia Perlis  
Tel : 04-9414401 / 4402 / 4403  
Email : [post@unimap.edu.my](mailto:post@unimap.edu.my)  
-----

"..Millions of trees are used to make papers, only to be thrown away after a couple of minutes reading from them. Our planet is at stake. Please be considerate. THINK TWICE BEFORE PRINTING THIS.."

**DISCLAIMER:** This email and any files transmitted with it are confidential and intended solely for the use of the individual or entity to whom they are addressed. If you have received this email in error please notify the UniMAP's Digital Management and Development Centre (DMDC). Please note that any views or opinions presented in this email are solely those of the author and do not necessarily represent those of the university. Finally, the recipient should check this email and any attachments for the presence of viruses. The university accepts no liability for any damage caused by any virus transmitted by this email.

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) | Digital Management & Development Centre (DMDC), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Pauh Putra Campus, 02600 Arau, Perlis, MALAYSIA | [www.unimap.edu.my](http://www.unimap.edu.my)